

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERHIMPUNAN PENGEDAR-PENGEDAR SEMPERA ULANGTAHUN AMWAY YANG KE-10

TEMPAT: PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 15 NOV 1986

MASA:

Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian;

Saya mengucapkan terima kasih kerana dijemput dan diberi peluang pada hari ini untuk bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan di perhimpunan ini.

2. Saya biasa melihat perwakilan-perwakilan bersatu-padu di dalam dewan ini bagi memperjuangkan isu-isu politik atau yang bersangkutan-paut dengan kepentingan negara. Pada hari ini perbezaannya ialah perhimpunan ini adalah bagi tujuan kepentingan perusahaan tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

3. Saya berasa gembira kerana perhimpunan pada kali ini merupakan perhimpunan yang terdiri daripada para peniaga kecil-kecilan. Perdagangan dan kemewahan negara pada mulanya diterokai oleh para pengusaha asing yang telah datang ke negara ini serta mendapat berbagai-bagai peluang kerana bumi ini mempunyai sumber-sumber asli yang begitu banyak sekali. Kerana ini jugalah kita telah menikmati pembangunan yang pesat dan berbagai-bagai kemewahan. Malangnya hari ini kita mengalami kemelesetan ekonomi akibat tindakan dan tekanan di luar dari kuasa kita. Pada masa-masa yang lalu kita telah bergantung kepada bahan-bahan komoditi yang kita keluarkan dengan begitu lumayan, tetapi dengan turunnya harga-harga bahan komoditi sekarang ini dengan begitu mendadak, kita perlulah menyesuaikan diri dengan keadaan ini. Kita haruslah menumpukan perhatian yang lebih kepada bidang pembuatan dan perdagangan.

4. Kita sekarang mesti berbalik kepada inisiatif diri sendiri. Oleh yang demikian, kita mestilah membangunkan semula semangat keusahawanan. Semangat keusahawanan ini terdapat bukan sahaja di kalangan sektor korporat tetapi juga di kalangan peniaga-peniaga kecil. Sebenarnya, kebanyakan daripada syarikat-syarikat besar yang maju pada hari ini bermula dengan berniaga secara kecil-kecilan, di bina atas semangat daya inisiatif pengusaha-pengusaha kecil yang telah mengasaskannya. Sebenarnya, pengusaha-pengusaha kecil-kecilan inilah, kerana semangat dan usaha gigih mereka, sekarang menjadi usahawan-usahawan yang berjaya.

Ladies and Gentlemen,

5. Today is the Tenth Anniversary of your establishment in this country. Your presence today is proof of your resilience in facing the current recessionary challenges. It requires commitment in order to overcome the difficulties of this prolonged economic slowdown. It entails sacrifices, the willingness to increase productivity, and the ability to develop resilience so as to create opportunities out of this bad times.

6. This recession should be seen as a challenge and as an opportunity to appraise our performance thus far. This is the time for corrective measures. We should not despair over this prolonged economic slowdown because it is a phenomenon that is faced by many developing and even some developed countries. We have not fared that badly when compared to many other countries.

7. The Government on its part for the past few years had taken stringent measures both fiscal and monetary, to lessen the impact of the recession. We have taken measures to stimulate the manufacturing, tourism and agricultural sectors. The Government is also encouraging increased private sector participation both domestic and foreign in order to boost the economy.

Ladies and Gentlemen,

8. I am glad Selangor Pewter has won a coveted place in the Amway Catalogue in the United States. This is one Malaysian product that has met the standards of this, the biggest and most sophisticated of consumer markets. I hope this will prove to be a breakthrough for Selangor Pewter to establish itself in the American market and possibly later pave the way for more Malaysian products. I also hope that other goods of Malaysian manufacture will find their way into the catalogue of goods marketed through the Amway net work world wide. That way Amway will not only benefit foreign manufacturers but will balance the outflow of foreign exchange from Malaysia.

Ladies and Gentlemen,

9. We live in trying times but wherever we live it is the wholesome values of family life, good neighbourliness, self discipline, hard work, and devotion to our country that will see us through. These are the values that will help us to overcome our present difficulties and to ensure success.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. Akhir kata, saya dengan sukacitanya mengucapkan selamat menyambut Ulangtahun ke-10 Amway.

